



GENERAL TERMS AND DISCLAIMERS

Welcome to AFFIN ISLAMIC's website ("Website") which is owned and operated by Affin Islamic Bank Berhad (Company No. 709506 - V) (hereinafter referred to as "AFFIN ISLAMIC").

Registered Website Address: Neither AFFIN ISLAMIC nor any of the other members of the AFFINBANK Group are affiliated with or have authorised the contents of any other website using the AFFIN ISLAMIC name, save and except for www.affinbank.com.my and www.affinislamic.com.my

All references to "AFFIN ISLAMIC" herein shall refer to Affin Islamic Bank Berhad and/or any member of the AFFINBANK Group, either individually or collectively as the context requires. All references to "you" and /or "your" shall refer to the person(s) accessing this website.

Governing terms: Your access and view of this Website as well as use of information, contents, products and/or services provided or made available on this Website, is governed by these terms and conditions ("General Terms and Disclaimers").

Other applicable terms and conditions: The General Terms and Disclaimers are to be read with the applicable terms and conditions in relation to any transaction carried out, or products or services made available or provided in this Website (including but not limited to the terms and conditions for Internet Banking herein). Should there be any conflict between these General Terms and Disclaimers and the terms and conditions in relation to the relevant transaction, products and/or services made available or provided hereunder, the latter will prevail to the extent of such inconsistency.

Acceptance of these General Terms and Disclaimers: By accessing this Website and/or using the services provided hereunder, you are agreeing to be bound by these General Terms and Disclaimers without limitation or qualification. As such, please read the terms and conditions herein carefully. Should you not accept nor agree to the General Terms and Disclaimers, please discontinue your access to this Website.

Changes to the General Terms and Disclaimers: AFFIN ISLAMIC reserves the right to make changes to the Website and the terms and conditions herein, from time to time. Please therefore be advised to check these terms and conditions regularly. The continued access and use of this Website following any such change will be deemed as your acceptance of such changes.

Intellectual property rights: The products, services, information, content or other materials provided or made available on this website, in whatever form, including but not limited to text, images, video, graphics, sound files, gifs, animation, and their arrangement, look and feel, as well as all proprietary and intellectual property rights thereto (hereinafter collectively referred to as "Content"), belong to AFFIN ISLAMIC, its associates, partners and/or relevant third party content providers, and are subject to the protection of applicable proprietary and intellectual property rights laws.

No rights, license, consent, approval or authorisation is granted for the use of the Content other than for the lawful use in accordance with the terms and restrictions as stipulated in these General Terms and Disclaimers and the terms and conditions governing the relevant transaction, products and services.

AFFIN ISLAMIC will use its reasonable efforts to ensure that the Content does not infringe the proprietary and intellectual property rights of any third party. However, as some Content are provided by third parties, AFFIN ISLAMIC does not provide any warranties as to the same. Therefore, if you are aware of any such infringement, please inform AFFIN ISLAMIC immediately at the contact information as provided herein providing all relevant details pertaining to the alleged infringement. AFFIN ISLAMIC will thereafter investigate the matter to determine the steps to take in relation to the affected Content, including, where necessary, the removal of the same from the Website.

For the copyright inquiries, kindly contact the Bank's Legal and Secretarial Department at 17th Floor, Menara Affin, 80, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Disclaimer: This Website and its Content is provided on an 'as is' and 'as available' basis. AFFIN ISLAMIC does not warrant or represent that the access to the Website and its Content will be provided uninterrupted or error free or free from

intrusion or attack by any person, computer viruses, Trojan horse, worms and/or other harmful or destructive components or that there will be no delays, failures or loss of transmitted information.

The Content provided on this website comes from various sources including from third party Content providers. The said Content is provided as reference and information only and not as an offer or solicitation or as giving of advice whether in relation to banking, investment, financial or otherwise. Although AFFIN ISLAMIC will use its reasonable efforts to ensure the accuracy and validity of the Content, AFFIN ISLAMIC makes no warranties as to the accuracy, adequacy, legality, reliability, validity and/or completeness of the said Content, or that the same is up to date and current.

AFFIN ISLAMIC hereby expressly disclaims any and all responsibility and liability in relation to such access and use of the Website and its Content and your access and use of the Website and its Content shall be at your own risk.

User conduct: You shall access and use this Website only for lawful purposes and in accordance with the terms herein. In particular you shall not:

- (a) Interfere with or disrupt in any way, the provision of this Website and its Contents by AFFIN ISLAMIC;
- (b) Interfere with or disrupt in any way, the access and use of this Website and Content by others;
- (c) hack or attempt to gain unauthorised access into the Website and its Content or any part thereof;
- (d) provide information which is inaccurate and/or false;
- (e) modify, copy, duplicate, reproduce, sell, distribute, display, publish, transfer or otherwise use the Website and its Content for any purpose other than for the purpose for which it is provided/made available hereunder, including but not limited to exploiting and making commercial use of the Website and its Content;
- (f) make derivative use of this Website and/or its Content;
- (g) use data mining, robots or similar data gathering and extraction tools;
- (h) transmit communication or data which contains any viruses or deleterious files;
- (i) transmit communication or data which may constitute a criminal offence or give rise to civil liability, including but not limited to data or information which is abusive, defamatory, infringes another person's rights, encourages racism, promotes hatred, contains pornography or pedophilia, and/or is otherwise objectionable to public morals and decency;
- (j) misuse the Website and its Content in any way or otherwise carry out or perform any act which may adversely affect the rights of AFFIN ISLAMIC, its partners or any other persons; and
- (k) assist or enable others to perform or carry out the acts as above mentioned.

You further agree to abide by all applicable national and international laws and regulations and are solely responsible for all acts or omissions that occur under or in relation to your usage of this Website.

Links: The links from or to websites outside this Website are provided for convenience only. As such linked websites are under the control and ownership of third parties, AFFIN ISLAMIC shall not accept any responsibility or liability for the access to such links, nor the products, services, information, materials or contents of such websites. Also, AFFIN ISLAMIC does not warrant and is not responsible for the status of such links or any links contained in a linked website nor the products, services, information, material and/or content therein. Furthermore, the links provided in the Website shall not be considered or construed as an endorsement or verification of such linked websites or the contents therein by AFFIN ISLAMIC.

When the above links are accessed, you will exit from the Website and our Privacy Notice as well as our Client Charter shall cease to apply.

You are therefore subject to the conditions of access and/or privacy policy of such linked websites and you hereby agree that the risk involved in accessing such linked websites shall be borne solely by you. You shall bear all risks and assume sole responsibility for accessing these other websites or portals through the links provided herein and we shall not be liable for any loss or damage that may be incurred as a result of such access.

Any links to this Website shall be made (i) only to the homepage and not to other parts or pages of this Website and (ii) shall be subject to the prior written notification and approval of AFFIN ISLAMIC.

Confidentiality: You hereby acknowledge the strict requirement of confidentiality and obligations imposed upon AFFIN ISLAMIC under the Financial Services Act 2013 and Islamic Financial Services Act 2013 and undertake not to do or cause to



be done any act or omission which may cause AFFIN ISLAMIC to breach its strict duty of confidentiality and obligations as aforesaid. Your obligations herein shall survive your cessation of access and use of this Website.

In the event that you receive any material or data containing information where you are not the intended recipient, you are hereby put on notice that any use, dissemination, distribution or copying of the material or data is prohibited and subject to legal privilege. You shall delete such material or data and further agree to notify Affin by telephone immediately.

For information on how we use and safeguard your personal information, please see our Privacy Notice.

Exclusion of liability: AFFIN ISLAMIC shall in no event be liable for any loss or damages whatsoever nature and howsoever incurred or arising whether in contract, tort, negligence, strict liability or any other basis, including without limitation, direct or indirect, special, incidental, consequential or punitive damages, or loss profits or savings arising in connection with your access or use or the inability to access or use this website (or any third party link to or from AFFIN ISLAMIC Website), reliance on the information contained in the website, any technical, hardware or software failure of any kind, the interruption, error, omission, delay in operation, computer viruses, or otherwise. This exclusion clause shall take effect to the fullest extent permitted by law.

Law and Jurisdiction: These terms and conditions are governed by and are to be construed in accordance with the laws of Malaysia. By accessing this website and/or using the services provided herein by AFFIN ISLAMIC, you hereby agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Malaysian courts in Kuala Lumpur, Malaysia in all disputes arising out of or relating to the use of this website.

Queries or Complaints: Should you have any query, concerns or complaints in relation to this Website and the General Terms and Disclaimers herein, kindly contact the Bank's Customer Careline at 1-800-88-3883.

TERMA AM DAN PENAFIAN

Selamat datang ke laman web AFFIN ISLAMIC ("Laman Web") yang dimiliki dan dikendalikan oleh Affin Islamic Bank Berhad (No. Syarikat 709506 - V) (selepas ini dirujuk sebagai "AFFIN ISLAMIC").

Alamat Berdaftar Laman Web: AFFIN ISLAMIC atau mana-mana ahli-ahli lain di dalam Kumpulan AFFINBANK mempunyai kaitan atau telah memberi kuasa terhadap kandungan mana-mana laman web lain yang menggunakan nama AFFIN ISLAMIC, kecuali dan melainkan www.affinbank.com.my dan www.affinislamic.com.my

Semua rujukan terhadap "AFFIN ISLAMIC" di sini adalah merujuk kepada bank Affin Islamic Bank Berhad dan / atau mana-mana ahli Kumpulan AFFINBANK, sama ada secara individu atau kolektif mengikut konteks penggunaannya. Semua rujukan kepada "anda" hendaklah merujuk kepada orang yang mengakses laman web ini.

Terma Pentadbiran: Setiap akses dan pandangan anda terhadap Laman Web ini serta penggunaan maklumat, kandungan, produk dan/atau perkhidmatan yang diberikan atau disediakan di Laman Web ini, tertakluk kepada terma dan syarat yang tertera di sini ("Terma Umum dan Penafian").

Terma-terma dan syarat-syarat terpakai lain : Terma Umum dan Penafian hendaklah dibaca dengan terma-terma dan syarat-syarat terpakai lain yang mempunyai kaitan dengan apa-apa transaksi yang dilakukan, atau produk atau perkhidmatan yang telah disediakan atau disediakan melalui Laman Web ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada terma-terma dan syarat-syarat Perbankan Internet di sini). Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma Umum dan Penafian dan terma-terma dan syarat-syarat yang berkaitan dengan transaksi yang berkaitan, produk dan / atau perkhidmatan yang telah disediakan atau disediakan di bawah ini, yang terakhir akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Penerimaan Terma Umum dan Penafian: Dengan mengakses Laman Web ini dan / atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan di bawah ini, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma Umum dan Penafian tanpa had atau kelayakan. Oleh itu, anda diminta untuk membaca terma dan syarat di dalam ini. Sekiranya anda tidak menerima atau bersetuju dengan Syarat dan Penafian Besar, sila menghentikan akses anda ke Laman Web ini.

Perubahan kepada Terma Umum dan Penafian: AFFIN ISLAMIC berhak untuk membuat perubahan kepada Laman Web dan terma-terma dan syarat di dalam ini, dari semasa ke semasa. Oleh itu, anda dinasihatkan untuk memeriksa terma dan syarat ini dengan kerap. Akses secara berterusan dan penggunaan Laman Web ini selepas setiap perubahan tersebut akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap perubahan tersebut.

Hakmilik harta intelektual: Produk, perkhidmatan, maklumat, kandungan atau bahan-bahan lain yang disediakan di laman web ini, dalam apa jua bentuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada teks, imej, video, grafik, fail bunyi, gif, animasi, dan susunannya, melihat dan merasa, dan juga semua hakmilik harta intelektual dan proprietari (selepas ini dirujuk sebagai "Kandungan"), adalah milik AFFIN ISLAMIC, rakan kongsi dan / atau penyedia pihak ketiga yang relevan, dan tertakluk kepada perlindungan undang-undang harta intelektual dan proprietari yang terpakai.

Tidak ada hak, lesen, kebenaran, kelulusan atau penguasaan diberikan untuk penggunaan Kandungan yang selain daripada untuk kegunaan yang sah mengikut syarat dan sekatan yang ditetapkan dalam Terma Umum dan Penafian dan terma dan syarat yang mengawal transaksi yang berkaitan, produk dan perkhidmatan.

AFFIN ISLAMIC akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa Kandungan tidak melanggar hak milik proprietari dan harta intelektual dari mana-mana pihak ketiga. Namun, disebabkan terdapat beberapa Kandungan disediakan oleh pihak ketiga, AFFIN ISLAMIC tidak memberikan apa-apa jaminan yang sama terhadap Kandungan tersebut. Oleh itu, jika anda mengetahui tentang sebarang pelanggaran tersebut, sila maklumkan AFFIN ISLAMIC dengan kadar segera di maklumat yang tertera di bawah dengan menyediakan semua maklumat yang relevan berkaitan dengan pelanggaran tersebut. AFFIN ISLAMIC selepas itu akan menyiasat perkara tersebut untuk menentukan langkah seterusnya yang harus diambil berkaitan dengan Kandungan yang terjejas, termasuk, jika perlu, penyingkiran daripada Laman Web ini.

Untuk pertanyaan hak cipta, sila hubungi Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan Bank di Tingkat 17, Menara Affin, 80, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Penafian: Laman web ini dan kandungan yang disediakan pada 'apa adanya' dan secara 'boleh didapati'. AFFIN ISLAMIC tidak menjamin atau menyatakan bahawa akses kepada Laman Web dan Kandungan yang akan disediakan tanpa gangguan atau bebas ralat atau bebas dari pencerobohan atau serangan oleh mana-mana orang, virus komputer, *Trojan horse*, *worms* dan / atau lain-lain komponen berbahaya atau merosakkan atau tidak akan ada kelewatan, kegagalan atau kehilangan maklumat yang dihantar.

Kandungan disediakan di laman web ini datang dari pelbagai sumber termasuk dari pembekal Kandungan pihak ketiga. Kandungan disediakan sebagai rujukan dan maklumat sahaja dan bukan sebagai suatu tawaran atau pelawaan atau sebagai memberi nasihat yang berkaitan dengan perbankan, pelaburan, kewangan atau sebaliknya. Walaupun AFFIN ISLAMIC akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan ketepatan dan kesahihan kandungan, AFFIN ISLAMIC tidak memberikan jaminan tentang ketepatan, kecukupan, kesahan, kebolehpercayaan dan / atau kelengkapan Kandungan tersebut, atau yang sama adalah telah dikemaskini.

AFFIN ISLAMIC dengan ini menafikan sebarang dan semua tanggungjawab dan liabiliti berkaitan dengan akses dan penggunaan Laman Web dan Kandungan dan akses dan penggunaan anda ke atas Laman Web dan Kandungan nya adalah di atas risiko anda sendiri.

Tingkah laku pengguna: Anda hendaklah mengakses dan menggunakan Laman Web ini hanya untuk tujuan yang sah dan mengikut terma di dalam ini. Anda khususnya di larang:-

- (a) Mengganggu dalam apa jua cara, peruntukan Laman Web ini dan Kandungan oleh AFFIN ISLAMIC;
- (b) Mengganggu dalam apa jua cara, akses dan penggunaan Laman Web ini dan Kandungan oleh orang lain;
- (c) menceroboh atau cuba untuk mendapatkan akses yang dilarang ke dalam Laman Web dan Kandungan atau mana-mana bahagiannya;
- (d) memberikan maklumat yang tidak tepat dan / atau salah;
- (e) mengubah, menyalin, menduplikasi, menghasilkan semula, menjual, mengedarkan, mempamerkan, menerbitkan, mengalihkan atau menggunakan Laman Web dan Kandungan untuk sebarang tujuan selain daripada untuk tujuan tersebut yang mana ia diberikan / disediakan di bawah ini, termasuk tetapi tidak terhad untuk mengeksploitasi dan membuat penggunaan komersil Laman Web dan Kandungan tersebut;
- (f) menggunakan turunan dari Laman Web ini dan / atau Kandungan tersebut;
- (g) menggunakan *data mining*, robot, atau pengumpulan data serupa dan alat pengestrakan;
- (h) menghantar komunikasi atau data yang mengandungi apa-apa virus atau fail yang merosakkan;
- (i) menghantar komunikasi atau data yang mungkin merupakan suatu kesalahan jenayah atau mengakibatkan liabiliti sivil, termasuk tetapi tidak terhad kepada data atau maklumat yang kesat, memfitnah, melanggar hak-hak orang lain, menggalakkan perkauman, menggalakkan kebencian, mengandungi pornografi atau pedofilia, dan / atau yang tidak sesuai dengan moral awam dan kesusilaan;
- (j) menyalahgunakan Laman Web dan Kandungan dalam apa-apa cara atau menjalankan atau melaksanakan apa-apa perbuatan yang boleh menjejaskan hak-hak AFFIN ISLAMIC, rakan-rakan atau mana-mana orang lain; dan
- (k) membantu atau membolehkan orang lain untuk melakukan atau melaksanakan perbuatan sebagaimana yang disebutkan di atas.

Anda selanjutnya bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan negara dan antarabangsa yang berkaitan dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua tindakan atau peninggalan yang berlaku di bawah atau berkaitan dengan penggunaan Laman Web ini.

Pautan: Pautan-pautan dari atau ke laman web di luar Laman Web ini disediakan untuk kemudahan sahaja. Ini adalah kerana laman web yang dipautkan ini adalah di bawah kawalan dan pemilikan pihak ketiga, AFFIN ISLAMIC tidak boleh menerima apa-apa tanggungjawab atau liabiliti untuk akses ke pautan-pautan tersebut, ataupun produk-produk,

perkhidmatan, maklumat, bahan atau kandungan laman web tersebut. AFFIN ISLAMIC juga tidak menjamin dan tidak bertanggungjawab terhadap status pautan-pautan tersebut atau mana-mana pautan yang terdapat di dalam laman web yang dipaut, ataupun produk-produk, perkhidmatan, maklumat, bahan dan / atau isi kandungan di dalamnya. Selain itu, pautan yang disediakan dalam Laman Web tidak akan dianggap atau ditafsirkan sebagai pengesahan atau verifikasi laman-laman web tersebut atau kandungannya oleh AFFIN ISLAMIC.

Apabila pautan dinyatakan di atas di akses, anda akan keluar dari Laman Web dan Notis Privasi kami dan juga Piagam Pelanggan kami tidak akan lagi terpakai.

Maka, anda tertakluk kepada syarat-syarat akses dan / atau dasar privasi laman-laman web tersebut, dan anda dengan ini bersetuju bahawa risiko yang terlibat dalam mengakses Laman-laman web tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh anda. Anda akan menanggung segala risiko dan bertanggungjawab sepenuhnya apabila melayari laman-laman web atau portal yang lain melalui pautan yang disediakan di sini dan kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang mungkin timbul akibat daripada akses tersebut.

Setiap pautan ke Laman Web ini hendaklah dibuat (i) hanya untuk laman utama dan tidak ke bahagian atau halaman Laman Web ini dan (ii) hendaklah tertakluk kepada pemberitahuan bertulis terlebih dahulu dan persetujuan AFFIN ISLAMIC.

Perkara Sulit: Anda dengan ini mengakui keperluan ketat perkara-perkara sulit dan kewajipan yang dikenakan ke atas AFFIN ISLAMIC di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan berjanji untuk tidak melakukan atau menyebabkan supaya dilakukan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang boleh menyebabkan pelanggaran tugas dan kewajipan AFFIN ISLAMIC dalam mengawal ketat perkara-perkara sulit sebagaimana tersebut di atas. Kewajipan anda di sini akan bertahan walaupun selepas penamatan akses anda dan penggunaan Laman Web ini.

Sekiranya anda menerima sebarang bahan atau data yang mengandungi maklumat di mana anda bukanlah penerima yang dimaksudkan, anda dengan ini diberi notis bahawa apa-apa penggunaan, penyebaran, dan pindahan bahan atau data adalah dilarang dan tertakluk kepada keistimewaan undang-undang. Anda hendaklah menghapuskan bahan atau data dan juga bersetuju untuk memberitahu pihak AFFIN ISLAMIC melalui telefon dengan segera.

Untuk maklumat mengenai cara kami menggunakan dan melindungi maklumat peribadi anda, sila lihat Notis Privasi kami.

Pengecualian kewajipan: AFFIN ISLAMIC tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan apapun dan bagaimanapun yang dilakukan atau yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaihan, liabiliti ketat atau dasar lain, termasuk tanpa had, secara langsung atau tidak langsung, khusus, sampingan, ganti rugi berbangkit atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan yang timbul berhubung dengan akses atau penggunaan atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan laman web ini (atau mana-mana pautan pihak ketiga kepada atau daripada Laman Web AFFIN ISLAMIC), kebergantungan kepada maklumat yang terkandung dalam laman web, mana-mana, perkakasan atau perisian kegagalan teknikal dalam apa jua bentuk, gangguan, kesilapan, peninggalan, kelewatan dalam operasi, virus komputer, atau sebaliknya. Klausula pengecualian ini hendaklah berkuat kuasa setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Undang-undang dan Bidang Kuasa: Terma dan syarat ini adalah ditadbir oleh dan hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Dengan mengakses Laman Web ini dan / atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan di sini oleh AFFIN ISLAMIC, anda dengan ini bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur, Malaysia dalam semua pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Laman Web ini.

Pertanyaan atau Aduan: Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, masalah atau aduan berkaitan dengan Laman Web ini dan Terma Umum dan Penafian di sini, sila hubungi Careline Pelanggan Bank di 1-800-88-3883.